

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SELANGOR KINI
TARIKH / HARI : 17 FEBRUARI 2017 (JUMAAT)

Pengurusan sistematik jamin kualiti kesihatan

SHAH ALAM - Pengurusan sisa pepejal yang sistematik amat diperlukan bagi memastikan persekitaran kehidupan dan kesihatan terjamin.

Seiring dengan status negeri maju, Selangor melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) di setiap kawasan bertanggungjawab memantau secara berterusan dalam usaha mengekalkan status itu.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad berkata, pihaknya proaktif untuk sentiasa meningkatkan pengurusan kutipan sampah sisa domestik di kawasan pentadbirannya.

"Melalui program pengasingan dari rumah, MBSA dengan kerjasama ahli majlis melalui majlis perwakilan penduduk mengenal pasti kawasan perumahan di seksyen yang menyertai program ini.

"Premis yang terbabit dalam program ini akan diberikan beg plastik kitar semula untuk memudahkan isi rumah mengasingkan sampah," katanya.

Shahrin berkata, MBSA turut meletakkan mesin memproses sisa makanan dan jualan di Pasar Seksyen 6 dan 16 selain di beberapa gerai Seksyen 7, 11 juga 19 bagi memudahkan sisa itu dijadikan baja kompos.

Sementara itu, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Dato' Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, RM70 juta diperuntukkan tahun ini bagi operasi kutipan dan pembersihan awam.

Katanya, RM34 juta untuk kutipan sisa pepejal dan RM50 juta pula bagi kerja pembersihan awam daripada jumlah itu.

MPSJ sebelum ini melaksanakan projek perintis dengan menggunakan

kakitangannya untuk melaksanakan kerja kutipan dan pembersihan di empat kawasan termasuk Lestari Perdana, Lestari Putra, Kota Perdana dan Desa Minium.

Empat kompaktor, empat roro dan 29 pekerja digerakkan untuk kerja kutipan sampah di seluruh kawasan itu.

Pegawai Perhubungan Awam Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Norhayati Ahmad berkata, pihaknya menyambut baik pelantikan KDEBWM bagi menguruskan sisa pepejal.

Katanya, surat tawaran kepada KDEBWM dengan harga RM20 juta setahun juga sudah dikeluarkan.

Melalui program pengasingan dari rumah, MBSA dengan kerjasama ahli majlis melalui majlis perwakilan penduduk mengenal pasti kawasan perumahan di seksyen yang menyertai program ini

SHAHRIN AHMAD
Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA